

Kalau kerajaan tidak sanggup menjalankan bahasa kebangsaan dengan sepenuh-penuhnya pada 1 September ini sampai-sampai bila-bila pun bahasa Melayu tidak akan menjadi bahasa rasmi.

Senator Wan Mustapha dari PAS.

*

Kalaulah penggunaan bahasa lain masih lagi dibenarkan oleh kerajaan maka saya rasa seratus tahun lagi bahasa Melayu tidak akan menjadi bahasa rasmi. Kalau begini kita telah meluaskan bahasa-bahasa lain dan bukannya menyekat penggunaannya sebagaimana dikehendaki oleh perlembagaan. - Wan Mustapha.

Adalah dibimbangkan kalau orang Melayu sendiri ketinggalan dalam bahasa kebangsaan - bahasa ibunda mereka – setelah ketinggalan dalam lapangan-lapangan kemajuan yang lainnya. – Tan Sri Ibrahim Fikri.

*

Undang-undang bahasa itu dibuat atas kebijaksanaan pemimpin-pemimpin kerajaan dari semua kaum dan dapat diterima oleh rakyat dari berbilang bangsa. – Ghaffar Baba.

*

Tidak ada gunanya kita berdebat di sini kalau orang-orang yang tidak bersetuju dengan Rang Undang-undang bahasa itu dikatakan menjadi pengkhianat. - Abu Bakar Hamzah.

*

Tolak ansur dalam tentera menyebabkan kerajaan terpaksa membuka pasukan-pasukan tentera peninjau dan semboyan supaya orang-orang yang bukan Melayu boleh menjadi askar. – Mohamad Asar.

CABUTAN

Sejak sepuluh tahun lalu semangat rakyat telah dibakar kerana mendaulatkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi yang tunggal. Rakyat telah memberi sambutan ghairah kepada kempen-kempen bahasa yang telah memakan belanja berjuta-juta ringgit itu. Mereka itu terpaksa menghadap golongan-golongan yang menentang bahasa kebangsaan terdiri dari orang-orang Cina termasuk orang-orang Cina dari M.C.A. sendiri. Sekarang perjuangan tiba ke kemuncaknya dan mereka tiba-tiba dapati diri mereka terdampar ke dinding kenyataan. - Mohamad Asri.

*

Di dalam ucapan Tengku kepada Dewan Rakyat adalah mengandungi “ugutan-ugutan halus dan tajam” kepada penentang-penentang Rang Undang-undang itu. – Menurut Mohamad Asri.

*

Tolak ansur dalam bidang agama menyebabkan berjuta-juta ringgit dibelanjakan untuk agama-agama selain Islam walau pun agama rasmi ialah agama Islam. - Mohamad Asri.

*

Pelajaran menyebabkan kerajaan berbelanja berjuta-juta ringgit setahun untuk membiayai sekolah-sekolah Cina dan Tamil serta sekolah-sekolah Inggeris. – Mohamad Asri.

*

Bahasa Melayu bukanlah hak PAS atau hak UMNO tetapi adalah hak bangsa Melayu. - Abdul Samad Gul.

Hari ini adalah sesuatu yang dibanggakan oleh kita semua. Kita bangga kerana hari ini Rang Undang-undang bahasa melaksanakan keinginan kita yang berulang-ulang supaya bahasa Melayu bukan sahaja menjadi bahasa kebangsaan tetapi juga menjadi bahasa rasmi di negeri ini. – Tan Siew Sin.

*

Kerajaan Perikatan terlalu banyak bertolak ansur dengan orang-orang Melayu. Ini menyebabkan hak-hak politik orang-orang Melayu turut dinikmati oleh orang-orang yang bukan Melayu sekarang. – Mohamad Asri.

*

Rang Undang-undang bahasa itu telah dihasilkan dengan rundingan yang diliputi oleh semangat tenang dan muhibah di antara satu sama lain. Dengan semangat inilah yang menyebabkan negara kita telah maju. – Tan Sri Sambanthan.

*

PAS tidak bercadang hendak menentang kerajaan pusat dengan “bersenjatakan” undang-undang bahasa kebangsaan dan tidak bercadang menjadikannya isu politik. – Mohamad Asri.

*

Sebagai sebuah parti politik yang percayakan amal demokrasi kami sama sekali tidak ingin keadaan huru-hara berlaku di dalam negeri ini. – Mohamad Asri.

*

Mana dia Parti Kebangsaan Melayu, api dan bara. Mana dia orang-orang itu sekarang? – cabar Tengku tatkala mengemukakan Rang Undang-undang bahasa.